

**KA-ARAH
MALAYSIA
YANG
BERSATU
DAN KUKUH**





SETIA USAHA POLITIK
PERDANA MENTERI
MALAYSIA

**UCHAPAN DASAR
YAB Tun Hj. Abdul Razak
bin Hussein
YANG PERTAMA
sebagai
Yang Di-Pertua UMNO
Malaysia**

Access. No: 982 15/80
Class. No:



KA-ARAH MALAYSIA YANG BERSATU DAN KUKOH

Uchapan Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, Verdana Menteri dan Yang Di-Pertua UMNO Malaysia di-Perhimpunan Agong UMNO di-Kuala Lumpur pada 23hb. Januari, 1971.

Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj,
Ahli2 Majlis Kerja Tertinggi,
Saudara2 sekalian:

Saya bershukor ka-hadzrat Allah Subhanahuwata'ala kerana dengan hinayah dan keizinan-Nya kita sekalian dapat berhimpun di-sini bagi menjalankan kewajipan kita dan menunaikan tugas2 kita demi kepentingan Parti, Bangsa dan Negara.

Sesungguh-nya Perhimpunan Agong kita kali ini merupakan satu peristiwa yang amat penting berikutan dengan pembekuan kegiatan2 berpolitik dalam negara sa-telah kejadian 13 Mei dahulu. Kehadziran kita sekalian di-sini pada pagi ini juga membuktikan kejayaan kita menjaga keutohan Parti UMNO dan kesediaan kita menyambong perjuangan-nya di-atas landasan yang telah di-bina dengan kukoh dua puluh lima tahun yang lalu.

Tahun ini kita memasoki babak baru dalam perjalanan sejarah Parti dan negara. Sa-bulan dari hari ini, pada 22hb. Februari, kita akan kembali sa-mula ka-dalam bidang demokrasi berparlimen sa-telah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong merasmikan pembukaan sidang baru Parliman. Sekali gus dengan itu, Majlis Gerakan Negara yang telah menjalankan pentadbiran negara sejak kejadian 13 Mei dulu akan bubar dan semua kekuasaan akan terpulang sa-mula kepada Jema'ah Menteri yang hanya bertanggung jawab kepada Pailimen.

Dengan pemulehan semula Parlimen serta Dewan2 Undangan Negeri bo!eh-lah kita berbangga kepada dunia umum atas kejujoran dan kesanggupan kita menjunjung tinggi konsep demokrasi berpalimen dan ketegasan kita mengamalkan-nya. Tiada siapa, baik anasir2 di-da.lam negeri mahu pun yang di-luar negeri, boleh sa-wenang2 menudoh Kerajaan kita, menudoh UMNO dan Parti Perikatan hendak mengekalkan pentadbiran kekuasaan dictator-ship menerusi MAGERAN. Semua tohmah dan fitnah mereka itu tidak benar dan dengan sendiri-nya menjadi abu dan angin sahaja.

Saudara2: Baru sa-bentar tadi kita semua telah mendengar amanat terakhir dari pemimpin yang kita kasehi, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, sa-bagai Yang Di-Pertua UMNO. Kita semua dan sasungguh-nya UMNO amat bertuah mendapat pemimpin dan bimbingan yang bijakSana dari Y.T.M, Tunku itu sejak beliau mengambil alih teraju pimpinan UMNO dua puluh tahun lalu. Dalam tempoh itu pula-lah kita melihat perkembangan2 dan kemajuan2 yang pesat di-medan perjuangan Perlembagaan yang sa-bahagian terbesar-nya di-pelopori oleh UMNO, yang menghasilkan kemenangan besar membawa kemerdekaan pada tahun 1957. - ^ S ^ ^ H

Sapertimana telah saya katakan pada Perhimpunan 22hb September dulu, kita sama2 bersedeh atas keputusan Y.T.M. Tunku meletakkan jawatan beliau sa-bagai Perdana Menteri, Hari ini kita turut berdukachita atas persaraan beliau dari puchok pimpinan UMNO. Perpisahan beliau dari tengah2 kita semua merupakan satu detik sejarah pula kerana dengan-nya berma'ana permulaan satu phase baru, satu lembaran baru, dalam sejarah perjuangan UMNO.

Tidak sasiapa yang boleh menafikan bahawa di-bawah pimpinan Y.T.M. Tunku, UMNO telah di-bentok dan di-susun nienjadi parti politik yang terkuat sekali di-negara kita. Di-bawah arahan beliau pula-lah ahli2 Parti dengan tidak mengira penat lelah bergerak terus menjaliankan tugas dan kewajipan masing2 membangunkan perasaan kesedaran dan semangat kebangsaan ra'ayat, menchetuskan keinginan hendak berdiri sama tinggi dan dudok sama rendah dengan bangsa2 lain yang merdeka dan herdaulat. Ingatan kita maseh segar tentang peristiwa UMNO mengadakan perarakan2 dan tajok2 perasaan mendesak ^upaya Kerajaan British menyerahkan kekuasaan kapada ra'ayat negeri. sejarah telah mengabadikan hakikat bahawa ra'ayat yang bersatu di-bawah pimpinan Y.T.M. Tunku dan panji2 UMNO serta rakan2 sa-perjuangan-nya berjaya merebut kemerdekaan tanpa pertumpahan darah atau kekerasan.

PEMIMPIN BARU

Saudara2: Sa-bagaimana yang sama2 kita ma'alum, sejak dari beberapa lama dahulu lagi, Y. T. M. Tunku lelah menamakan saya sa-bagai ganti beliau untuk menyandang jawatan Perdana Menteri. Ini telah menjadi kenyataan apabila beliau mengundorkan diri pada 22hb September. Dan pada hari ini pula beliau m.emberikan saya kehormatan yang tidak ternilai menggantikan beliau sa-bagai Yang Di-Pertua UMNO yang baru. Saya ucapkan sa-tinggi2 terima kaseh kapada Y.T.M. Tunku di-atas keperchayaan-nya terhadap diri saya dan kapada saudara2 di-atas ta'at setia dan juga keperchayaan kapada diri saya.

Bagaimana pun, jangan-lah pula di-ertikan bahawa pimpinan baru UMNO yang saya ketuai sekarang ini merupakan satu titik pemisahan dalam perjalanan Parti Kita. Perubahan yang berlaku hanya-lah pada puchok pimpinan dan bukan pada tuboh badan UMNO. Sudah sewajar-nya bagi semua kejadian Tuhan mengalami perubahan. Oleh demikian, apa yang kita alami sekarang ia-lah pimpinan yang baru sedangkan pada hakikat-nya UMNO maseh merupakan pertubohan yang sama, ia-itu organisasi yang bersama2 kita sambut kelahiran-nya dua puluh lima tahun dahulu dan bersama2 pula kita bimbing dan pelihara hingga menchapai kedewasaan-nya sekarang ini.

Oleh itu, dengan terserah-nya teraju pimpinan Parti kepada saya ada-lah berupa penyambongan dalam perjalanan hidup pertubohan ini yang telah melalui liku2 zaman, melihat berbagai rupa peristiwa serta mengalami detik2 suka dan duka. Ini-lah kali kedua dalam sejarah pertubohan UMNO kita mengalami peralehan puchok pimpinan-nya. Pertama kali dalam tahun 1951 semasa Y.T.M. Tunku mengambil alih pimpinan dari Allahyarham Dato' Onn dan pada hari ini kena-lah gilaran saya pula memikul bebanan dan tanggung jawab memimpin-nya.

Kita bershukor kepada Allah yang memberikan taufik dan hidayah-Nya kepada kedua2 pemimpin kita yang terdahulu itu, yang telah banyak sekali berjasa bukan sahaja kepada Parti kita, bahkan dengan berkat pimpinan mereka itu-lah bangsa dan negara kita menchapai darjat dan mertabat yang tinggi hari ini.

Saudara2: Tidak shak lagi tahun2 tujuh pulohan dan tahun2 akan datang ini membawa mas'alah2 baru dan dugaan2 penting kepada negara kita. Oleh demikian, sudah sewajar pula-lah Parti kita UMNO memperkemaskan diri dan bersedia menghadapi chabaran2 masa depan itu. Sayugia kita ingat mas'alah2 dan chabaran2 yang berbagai rupa dan kompleks itu menghendaki pemikiran baru yang segar supaya kita dapat menghadapi dan menghuraikan-nya untok menafa'at dan kebaikan ra'ayat umum. Oleh itu, kita harus sentiasa bersedia mengambil approach yang sesuai serta sikap yang tegas menentukan strateji bagi menghuraikan segala mas'lalah dan persoakn yang bakal kita hadapi itu sambil mendorong Parti ka-arrah kemajuan sa-tiap masa. Bahkan ada-lah mustahak bagi setiap kita mempunyai pandangan yang luas dan outlook yang baru asal saja tidak menyelefang dari landasan Parti.

Pada pendapat saya, dalam menghadapi chabaran2 hari depan yang berbagai chorak ini kita memerlukan strateji yang fcemas dan juga bersedia menukar chorak Parti UMNO ini. Bagitu pula kalau keadaan menghendaki kita perlu menukar atau pun menyesuaikan dasar pemerentahan supaya kita dapat memenohi hasrat ra'ayat menuju matlamat negara ma'amor dan bahagian yang di-chita2kan itu.

Sapertimana saya katakan pada Perhimpunan kita 22 September lalu, saya suka mengulangi lagi ia itu puncha kekuatan

dan ketegohan Kerajaan kita ada-lah terletak pada Parti kita. Oleh demikian, terserah-lah kepada kita semua ahli2 dan pemimpin2 UMNO tanggung jawab menentukan garis2 panduan untuk menyelaraskan dasar Kerajaan dengan Parti supaya memenuhi hasrat ra'ayat yang berkehendakkan perubahan2 dan kemajuan2.

PERAYAAN ULANG TAHUN KE-25

Saudara2: Tidak berapa lama lagi, tegas-nya pada 11hb Mei akan datang ini, UMNO akan merayakan Ulang Tahun-nya yang ke-25. Untuk menghormati hari yang bersejarah itu, saya berchadang hendak mengadakan satu Perhimpunan Agong Khas di-mana kita akan membincangkan hal ehwal Parti pada keseluruhannya. Saya harap chadangan Majlis Kerja Tertinggi hendak meminda Perlembagaan seperti yang di-bentangkan dalam Persidangan ini dapat di-bincang dan saya sendiri antara lain hendak mengemukakan beberapa perkara yang bertujuan untuk membaiki perjalanan Parti serta melicinkan kerja2-nya. Tidak siapa yang boleh menyangkal bahawa UMNO sa-bagai Parti terbesar ada-lah tulang belakang Perikatan. Dengan kedudukan UMNO yang penting dalam Perikatan maka kita telah dapat membentok sa-buah pertubohan politik yang mewakili golongan terbesar ra'ayat dan mempunyai penuh kekuatan serta kebolehan untuk mentadbirkan negara ini. Saya rasa tidak ada Parti yang lain, baik sechara bersendirian mahu pun kalau mereka bergabung — jika ini boleh — yang dapat menyaingi Parti Perikatan atau pun menggantikan-nya. Ini ada-lah hakikat yang nyata, akan tetapi dalam pada itu, kita mesti-lah sentiasa menjaga perjalanan Parti dan terus membaiki jentera-nya sesuai dengan kehendak2 masa.

Saudara2: Tempoh dua puluh lima tahun usia UMNO sudah barang tentu merupakan satu batu tanda sejarah yang penting. Bersempena dengan tarikh itu patut-lah kita fikirkan bersama langkah2 mustahak menyemak Perlembagaan pertubohan ini untuk membuat pindaan2 yang di-perlukan sa-telah mengkaji dengan teliti tuntutan2 baru yang timbul dan keutamaan2 bagi memperkemaskan perjalanan-nya dalam menghadapi chabaran2 masa depan.

Saperti yang saya katakan tadi, hanya Perikatan saja-lah yang mempunyai kemampuan dan kebolehan mentadbirkan negara kita, kalau kita inginkan keamanan dan kema'amoran saperti yang ada sekarang ini. Sa-bagai Parti yang berteraskan bumiputera, maka di-atas bahu kita-lah terletak tanggung jawab yang maha besar dan maha berat, menentukan nasib dan hari depan negara. Kita hendak-lah mengambil inisiatif dalam semua bidang, terutama dalam usaha membentok negara dan bangsa Malaysia yang benar2 bersatu padu. Baik pada perengkat paling bawah mahu pun pada peringkat yang paling tinggi, UMNO sa-harus-nya mempejopori usaha2 yang bersangkutan dengan kebajikan dan kepentingan ra'ayat dalam semua lapangan. Hanya dengan demikian, baru-lah ra'ayat dapat merasakan rn.ustaha.k-nya UMNO dalam kehidupan mereka sa-hari2 dan menerinia pimpinan serta bimbingan kita.

Untuk menunaikan tanggung jawab kita itu, ada-lah mustahak sekali UMNO mempunyai disiplin atau tata tertib yang tegoh di-kalangan ahli2-nya pada semua perengkat. Tanpa disiplin yang tegoh sudah tentu tidak akan terjamin kekuatan yang di-pcrlukan bagi sa-buah pertubohan politik. Displin yang kukoh dan peratoran2 yang tersusun baik akan menjaga lanchar-nya pentadbiran Parti dan mengelakkan kerumitan2 yang menghalang atau merosakkan jentera pentadbiran Parti. Dan yang paling mustahak ia-lah sa-tiap aggota UMNO hendak-lah patoh pada disiplin Pa^rti kita.

Saya ingin melihat keadaan yang Ifcbeh Jichin dan terator dalam pertubohan UMNO berlandaskan Perlembagaan yang telah kita persetujuan bersama. Pentadbiran hendak-lah sentiasa kemas dan jentera Parti mesti-lah berjalan terus setiap masa. Meshuarat2 hendak-lah di-adakan sechara tetap dan pada masa yang di-tentukan. Ini sangat2-lah mustahak kerana di-sini-lah baru dapat kita mengukor kesanggupan pemimpin2 Parti dan rasa tanggung jawab mereka kapada UMNO. Saya hendak menetapkan di-sini ia itu mulai dari sekarang meshuarat Jawatankuasa Chawangan hendak-lah di-adakan sa-kurang2-nya sekali dalam sa-bulan, sementara meshuarat2 Jawatankuasa Bahagian hendak-lah di-adakan dua bulan sa-kali. Majlis Kerja Tertinggi akan mengadakan meshuarat tiap2 dua bulan sekali

sa-kurang2-nya. Saya harap saudara2 akan bertindak melaksanakan arahan ini.

Saya mengambil peluang ini juga untuk merakamkan rasa terima kasih kepada saudara2 sekalian atas ta'at setia yang tidak berbelah bagi dan sokongan saudara2 terhadap **UMNO** di-masa sudah2. Berkat ta'at setia saudara2 dan kesediaan saudara menjalankan arahan2 Parti, **UMNO** dan seterusnya Perikatan dapat kekal memegang pimpinan dan kekuasaan menadbirkan negara. Saya yakin selagi setiap ahli Parti kita tetap patuh pada dasar perjuangan Parti dan mempunyai tekad serta keazaman meneruskan perjuangan kita, negara akan tetap dalam keadaan terkawal dan sentiasa bergerak menchapai kejayaan2 baru.

Sekali lagi saya berharap setiap Chawangan dan Bahagian dan setiap ahli **UMNO** termasuk Kaum Ibu dan Pemuda hendaklah membaharui asas masing2 untuk meneruskan perjuangan suci menuju matlamat yang di-chita2 itu.

PIINDAAN KAPADA PERLEMBAGAAN DAN PERPADUAN NEGARA

Saudara2: Sa-bagaimana yang seringkali saya sebutkan, negara kita tidak boleh mengalami lagi sa-kali peristiwa 13 Mei. Biar-lah peristiwa yang telah berlalu itu termaktub dalam sejarah negara menjadi lambang kenyataan yang membawa pengajaran2 penting untuk semua. Antara lain2 peristiwa ini menekankan betapa mustahak-nya kita memahami sejarah politik dan Perlembagaan, dan juga penting-nya menginsafi perasaan2 perkauman jika pergadohan kaum yang mungkin lebeh dahashat hendak di-elakkan pada masa depan. Trajedi ini juga membuktikan bahawa kebebasan berchakap dan lain2 yang dijunjong tinggi dalam sistem demokrasi kita telah di-salah gunakan oleh anasir2 dan gulongan2 yang tidak bertanggung jawab. Penyelesaian mas'alah "ini hendak-lah merupakan jaminan ia-ilu pada masa2 hadapan persoalan2 yang sensitif ini tidak akan di-chabar lagi oleh proses2 demokrasi.

Satu langkah untuk menyelesaikan mas'alah ini yang akan di-)aksanakan oleh Kerajaan ia-lah meminda beberapa perun-

token di-dalam Perlembagaan negara kita. Saya perchaya saudara2 sekalian telah pun membaca Kertas Puteh berkenaan dengan pindaan2 itu yang telah di-keluarkan oleh Kerajaan pada hari ini. Tujuan Kertas Puteh ini sa-bagaimana ternyata di-dalam-nya ia-lah untok menerangkan kepada orang ramai perkara2 yang akan di-pinda dan sebab2 Kerajaan mengambil keputusan meminda peruntukan2 yang berkenaan itu.

Perkara yang akan di-pinda itu ia-lah Artikul 10 berkenaan dengan kebebasan berchakap dan berfikir; Artikul 63 dan 72 berkenaan dengan keistimewaan ahli2 Parlimen dan ahli2 Dewan Bahasa Malaysia; Artikul 152 berkenaan dengan hak2 istimewa Bahasa Malaysia; Artikul 153 berkenaan dengan hak2 istimewa orang2 Melayu; dan juga Artikul 159 mengenai chara2 meminda Perlembagaan.

Pindaan2 ini di-fikirkan sangat perlu untok mengelakkan berulang lagi peristiwa 13 Mei. Kerajaan serta juga Majlis Perundingan Negara telah mengkaji dengan seberapa teliti-nya dan telah mengambil keputusan bahawa ini-lah jalan keluar yang sa-habis2 baik untok mengekalkan perpaduan negara kita dan juga menjamin masa depan Malaysia. Saya tidak-lah berchadang hendak menerangkan dengan lebeh lanjut sebab2 Kerajaan membuat keputusan ini kerana Kertas Puteh itu sendiri telah pun menjelaskan-nya.

Saya hendak menegaskan sekali lagi bahawa pindaan2 ini sangat-lah di-perlukan demi kepentingan negara dan saya berkehendakkan sokongan tegas dari saudara2 sekalian dengan sa-penoh-nya di-dalam hal ini. Saya harap saudara2 sedar dan faham sa-penoh-nya tujuan2 kita meminda Perlembagaan itu. Oleh demikian, saya perchaya saudara2 sekalian akan memberi kepada Kerajaan kita sa-penoh2 sokongan saudara demi kepentingan kewujudan negara kita. Hanya dengan jalan ini sahaja-lah kita dapat menjamin masa depan sistem Kerajaan yang demokrasi dan menyatu-padukan negara kita.

Saudara2: Sa-lain daripada pindaan2 ini, pada tahun lalu Kerajaan telah juga mengistiharkan Rukun Negara di-dalam mana di-maktubkan tata susila dan tanggung jawab2 yang harus di-

ainalkan oleh sjiap warga negara Malaysia. Rukun Negara ini sa-bagaimana kerap kali saya sebutkan ada-lah bertujuan untok mendidik warga negara kita menjadi ra'ayat yang lebeh bertanggung jawab dan benar2 berjiwa Malaysia.

Saya perchaya sa-lepas Trajedi 13 Mei dulu, sikap kebanyakan daripada ra'ayat telah berubah dan saya yakin niereka akan membuka mata bukan sahaja bagi memahami Perlembagaan negara kita tetapi juga mengamalkan kelima2 prinsip Rukun Negara. Saya juga berharap mereka memahami dan menerima sebab2 mengapa Perlembagaan itu di-pinda.

Hanya dengan memahami sa-penoh-nya 'Kitab Negara' ini dan mengamalkan petunjok2-nya baharu-lah wujud sikap tangong jawab di-kalangan ra'ayat dan sa-lepas itu akan tumbuh perasaan kebangsaan dan keperibadian kebangsaan sendiri. Hanya sa-telah wujud chita2 kebangsaan dan keperibadian kebangsaan ini baru-lah amalan demokrasi yang sehat di-negara kita dapat berjalan terus tanpa sekatan dan gangguan. Dalam keadaan itu kita tidak lagi menghendaki kawalan2 atau safe-guard yang tujuan-nya ia-lah semata2 menjamin kehidupan sechara demokratik ini berakar umbi dalam masharakat kita yang berbilang bangsa. Apabila ini terchapai dapat-lah kita katakan perpaduan bangsa benar2 wujud di-negara ini.

Dengan harapan itu-lah saya telah memberi arahan supaya Majlis Muhibbah Negara menjalankan segala ikhtiar untok menyemaikan beneh2 muhibbah, memahami Perlembagaan dan mengamalkan Rukun Negara di-kalangan ra'ayat jelata, terutama sekali di-sisi kanak2 sekolah dan belia2 kita. Saya berharap ikhtiar ini mendapat sambutan demi kespentingan negara, perpaduan kaum dan kesejahteraan ra'ayat sekalian. Di-samping itu saya juga ingin menggesa pemimpin2 dan pertubohan2 masharakat di-seluroh negara supaya menchari inisiatif sendiri untok memupok perasaan muhibbah dan mengembangkan rasa persefahaman di-kalangan ra'ayat jelata kerana hanya menerusi muhibbah dan persefahaman baru-lah dapat kita mewujudkan perpaduan negara dan menjamin masa depan Malaysia.

DASAR EKONOMI BARU

Saudara2: Sa-bagaimana yang saya katakan dahulu, Kerajaan Perikatan yang baharu yang saya pimpin berazam hendak mern-bawa kema'amoran, keamanan, perasaan muhibbah dan perpa-duan yang berkekalan kapada negara kita yang di-kasehi dan khas-nya kapada mereka yang tidak berada.

Tidak lama dahulu, saya telah pun mengistiharkan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untok membaiki kedudukan eko-nomi negara yang tidak sa-imbang. Kerajaan telah pun melak-sanakan beberapa ranchangan baharu bagi memperhebatkan lagi pembangunan pertanian dan perusahaan di-samping memberi peluang yang lebeh besar dan berkesan kapada mereka yang tidak mendapat peluang dalam bidang perindustrian dan perusahaan. Kesimpulan-nya, Dasar Ekonomi Baru ini yang akan di-lanchar-kan dengan rasmi-nya di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua dalam sadikit masa lagi. mempunyai dua matlamat utama. Yang pertama ia-lah untok membasmi kemiskinan tanpa mengira bangsa dan kedua-nya menchapai perpaduan negara dengan chara mengimbangkan kedudoka ekonomi negara.

Saya sukachita mengumumkan bahawa Kerajaan telah pun merangka strateji2 yang realistik untok menchapai kedua2 mat-lamat ini. Pertama, mengadakan ranchangan2 untok membasmi kemiskinan di-kalangan ra'ayat jelata ,yang tidak berada, baik di-luar bandar mahu pun di-dalam bandar. Kedua, meninggikan kadar pertumbohan ekonomi (economic growth) dengan chara memperhebatkan lagi ranchangan pembangunan pertanian dan perusahaan termasuk-lah penyertaan Kerajaan dalam ranchangan2 pembangunan ini. Ketiga, mewujudkan satu gulongan pengusaha dan pedagang di-kalangan orang2 Melayu pada semua lapisan dan keempat re-structuring atau menyusun semula masharakat Melayu di-luar bandar yang semata2 bergantung kapada per-tanian dan mengubah-nya menjadi masharakat moden yang ber-landaskan pertanian dan juga perusahaan dan perdagangan.

Dalam hubongan ini, saya sudah pun menyatakan keputusan Kerajaan hendak menggalakkan perusahaan2 di-bandar2 dalam kawasan luar bandar. Kerajaan pusat dan Kerajaan2 Negeri akan

mengambil bahagian dalam perusahaan2 baru ini sama ada sechara sendirian atau pun sechara join-venture dengan pehak swasta. Potential untok perusahaan2 baru di-bandar2 kawasan luar bandar amat-lah baik terutma 'agro-based industries' yang berlandaskan kayu kayan dan bahan2 makanan.

Ranchangan Pembangunan pertanian akan di-laksanakan dengan pesat. Sa-lain dari Ranchangan Tiga Segi Jengka yang sedang berjalan sekarang, Kerajaan sedang membuat kajian atau 'feasibility study' bagi kawasan Pahang Tenggara dan Johor yang melibatkan hampir2 dua juta ekar.

Saudara2: Sa-bagaimana yang kita ketahui, mas'alah kemiskinan yang maseh terdapat di-negara kita ini bukan-lah hanya mas'alah ekonomi sahaja, bahkan ada-lah juga mas'alah politik dan mas'alah kebudayaan yang melibatkan perasaan atau emosi. Mas'alah kemiskinan ini, jika di-biarkan berterusan, sudah tentu akan membahayakan ketenteraman negara. Oleh sebab itu-lah Kerajaan berazam hendak menyelesaikan mas'alah ini dengan sa-berapa segera.

Ranchangan2 untok menyelesaikan mas'alah kemiskinan telah juga di-siaukan dan ranchangan2 ini meliputi bidang perdagangan dan pembangunan luar bandar dengan chara besar2an. Ranchangan Pembangunan Malaysia Kedua dan ranchangan2 seterusnya akan lebeh menitek-beratkan perojek2 yang bertujuan meninggikan pendapatan gulongan rendah dan meluaskan peluang2 bekerja bagi kaum belia dalam semua lapangan. Kejayaan projek2 ini dengan sendiri-nya akan mengubah chara dan chorak kehidupan masharakat luar bandar menjadi masharakat moden dan maju yang sanggup menerima unsor2 kemajuan teknologi saperti masharakat di-negara2 yang sudah maju. Perubahan ini bukan sahaja meluaskan peluang bekerja dan meninggikan pendapatan mereka tetapi juga menjadi jaminan utama untok menjayakan ranchangan2 perusahaan moden di-negara kita. Hasil dari pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini berma'ana lebeh ramai lagi orang2 Melayu akan mengambil bahagian dalam lapangan perdagangan dan perusahaan. Dengan demikian, dapat-lah kita mengatasi keadaan sekarang di-mana hanya sa-bilangan kechil sahaja orang2 Melayu menjadi pengusaha2 atau pun di-lantek

sa-bagai pengarah2 dan executive dalam lapangan perusahaan. Bahkan ada-lah tujuan utama kita mengadakan dan menambah bilangan pengusaha2 dan pemilek2 industri dan perniagaan yang yang besar dan yang kechil.

Kerajaan sedar bahawa perpaduan negara tidak akan wujud sekira-nya kedudukan ekonomi yang tidak sa-imbang di-kalangan ra'ayat berbagai kaum tidak di-atasi dan kemajuan serta kema'-amoran negara tidak di-nekmati dengan lebeh adil dan saksama. Dari itu, perlu-lah bagi Kerajaan menjalankan ranchangan2 yang telah di-susun supaya matlamat merapatkan jurang perbedzaan di-antara golongan yang berada dan tidak berada dapat di-chapai dengan sa-berapa segera.

Tetapi saya suka menegaskan di-sini bahawa dalam melak-sanakan dasar ini kita akan bersifat adil kapada semua pihak. Kita tidak sekali2 hendak mengambil atau merampas hak2 yang ada pada orang2 yang bukan Melayu. Sa-balek-nya kita ber-harap dan perchaya yang mereka itu akan memberi kerjasama untuk menjalankan dasar bagi mengwujudkan perpaduan pen-dudok2 daripada berbagai2 kaum dan menjaminkan keselamatan dan keutohan negara kita.

Kedua2 objektif Dasar Ekonomi Baru kita mesti-lah di-jalankan dengan serentak kerana kedua2 ini merupakan tiang yang kukoh bagi kita memhena di-atas-nya masharakat dan negara Malaysia yang kita ingini.

PELAJARAN

Sa-bagaimana yang sama2 kita ma'alum, bagi bangsa yang membangun saperti kita ini, pelajaran ada-lah salah satu usaha pelaboran atau investment yang amat penting untuk menjamin ketahanan negara. Dasar pelajaran negara ada-lah menjadi ukuran bagi kesediaan kita serta kemampuan kita untuk meng-hadapi chabaran2 hari depan. Dalam melaksanakan dasar pe-lajaran negara, tidak-lah harus kita abaikan mustahak-nya men-jaga supaya standard pendidikan yang di-berikan kapada anak2 kita ada-lah sesuai dan sa-imbang dengan tuntutan hendak me-lengkapkan mereka sa-bagai tenaga tulang belakang negara di-masa akan datang.

Dalam bidang pendidikan ini, kita telah mengalami perkembangan2 menghendaki perhatian dan penyesuaian dalam rancangan pendidikan negara. Ilmu pengetahuan terutama dalam sa-tengah2 bidang mengalami perkembangan yang hebat di-zaman yang penuh dengan kemajuan sains dan teknologi. Oleh yang demikian, semakin segera kita memerlukan tenaga2 kemahiran supaya masyarakat kita boleh mendekati, kalau pun tidak, men-chapai sa-penuh-nya kemajuan masyarakat2 teknologi yang lain.

Bagi memenuhi keperluan dan tuntutan2 menjamin perkembangan ekonomi, sosial dan politik, kita hendak-lah memberi kemudahan2 yang lebih luas dalam semua bidang, terutama vocational dan technical. Dasar pelajaran kebangsaan yang telah kita tetapkan dan di-persetujui oleh semua pihak itu pasti akan di-laksanakan dengan tegas. Kerajaan berazam akan me-laksanakan dasar yang telah di-maktubkan mengenai pendidikan dalam Bahasa Malaysia dan usaha2 kita hendak menjadikan Bahasa Malaysia sa-bagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Resmi dengan arti kata yang sa-benar. Di-dalam lapangan pelajaran, matlamat kita yang utama ia-lah memberikan kedudukan yang wajar kepada bahasa rasmi kita dengan mengekalkan nilai serta standard pelajaran supaya anak2 kita dan jenerasi2 akan datang di-lengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mustahak dalam zaman teknologi moden ini.

Bagi memenuhi kehendak2 pendidikan kebangsaan seluroh-nya, kita akan berbuat segala apa yang di-fikirkan perlu bukan hanya dari segi meninggikan standard mata pelajaran yang penting pada setiap peringkat persekolahan bahkan kita akan menentukan pula supaya pada tingkatan post-secondary dan universiti, anak2 Melayu di-jamin mendapat peluang yang lebih banyak dari masa2 lalu supaya kedudukan yang tidak sa-imbang sekarang ini dapat di-perbaiki. Rancangan ini ada-lah terkandung dalam pindaan Perlembagaan yang telah di-terangkan dalam Kertas Putih yang saya sebutkan tadi.

DASAR LUAR NEGERI

Saudara2: Sa-bagaimana yang sama2 di-ma'alum, dalam perhubungan kita dengan negara2 luar, kita mesti-lah menunjok-kan sikap yang bebas, sikap sa-aliran dengan masa dan keadaan.

sambil menjaga kepentingan kita sa-bagai sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat. Sejak kita menchapai kemerdekaan, kita telah dapat memberi nama yang harum dan tempat yang sempurna untok negara kita di-sisi bangsa2 di-dunia. Sekarang kita telah merdeka selama hampir 14 tahun; sampai-lah masa bagi kita menunjukkan identity atau keperibadian kita sebagai negara berkechuali atau non-aligned yang sanggup berdiri atas kaki sendiri serta yakin pada kebolehan kita menjunjong kedaulatan dan memelihara kemerdekaan dan keselamatan negara kita.

Dalam hal ini, kita berpegang tegoh atas dasar bersahabat dengan semua negara yang suka bersahabat dan bekerjasama dengan semua negara yang suka bekerjasama, tidak kira chorak hidup atau sistem politik mereka. Dasar bersahabat dan bekerjasama ini ada-lah penting pada segi menjaga keselamatan dari anchaman atau pencherobohan kuasa luar. Bahkan ada-lah juga penting pada segi perdagangan oleh kerana negara kita banyak mengeluarkan hasil pertanian dan perusahaan dan dari itu memerlukan pasaran yang lebeh luas untok barang2 pengeluaran tersebut saperti getah, kelapa sawit, nenas dan lain2 lagi.

Dalam cantext ini, kita menegaskan juga mustahak-nya dasar tidak champor tangan dalam hal2 dalam negeri negara2 lain. Ini ada-lah sesuai dengan "principle of peaceful co-existence" serta saling menghormati kebebasan dan kedaulatan negara masing2. Dengan berlandaskan dasar ini maka kita telah berusaha dan berjaya meluaskan persahabatan kita dengan negara2 yang lain terutama sekali negara2 yang kechil dan sederhana besar-nya.

Meski pun Malaysia ada-lah sa-buah negara kechil, kita turut mempelopori usaha2 mengembangkan ranchangan kerjasama antara negara2 sa-rantau dan berjiran, yang mempunyai mas'alah2 yang serupa dan kepentingan2 yang sama. Hasil dari usaha2 ini, kita telah berjaya membentok ASA yang kemudian-nya berkembang menjadi ASEAN. Saya penoh yakin ASEAN akan berjaya menchapai matlamat-nya menaikkan taraf ekonomi dan kema'amoran negara2 di-rantau ini. Banyak ranchangan telah pun di-persetujui dan akan di-laksanakan sa-berapa chepat yang mungkin.

Bagaimana pun, ada-lah mustahak kita mengukuhkan lagi tali persahabatan dan meningkatkan usaha kerjasama dalam semua lapangan supaya masharakat negara2 di-rantau Asia Tenggara ini bertambah kuat dan tidak terpengaruh oleh kuasa2 besar demi kepentingan mereka sendiri. Hubongan yang rapat antara satu negara dengan yang lain akan dapat memupok hubongan antara sahabat yang satu dengan sahabat yang lain pula.

Bulan lalu saya telah membuat lawatan rasmi ka-negara2 jiran kita yang karib ia-itu Thailand dan Indonesia. Lawatan ini telah memberi saya kesempatan bertukar2 pendapat dengan pemimpin2 negara2 itu mengenai approach masing2 menghadapi pergolakan politik masa depan di-rantau ini khas-nya dan dunia 'am-nya. Di-Bangkok saya mendapat sambutan yang baik dan ikhlas dari pemimpin2 Thai. Dalam perundingan2 yang berlangsung, mereka telah menunjukkan pengertian terhadap sikap serta langkah2 yang di-ambil oleh Malaysia terhadap mas'alah2 dunia khas-nya yang bersangkutan dengan rantau Asia Tenggara ini. Mereka juga telah berikrar hendak bekerjasama dengan Malaysia untok kepentingan bersama terutama menghadapi musuh di-sempadan antara kedua negara. Thailand telah sentiasa menunjukkan keikhlasan-nya dalam persahabatan dengan Malaysia.

Di-Jakarta, saya beserta rombongan di-beri sambutan yang meriah dengan penoh kemesraan. Saya benar2 dapat merasakan ada-nya hubongan saliturahim yang erat antara ra'ayat dan pemimpin Indonesia dengan ra'ayat kita yang mempunyai satu asal dan hubongan sejarah yang berkurun2 lama-nya. Dalam perundingan saya dengan President Suharto serta pemimpin2 Indonesia yang lain, mereka telah menunjukkan semangat persaudaraan dan muhibbah yang mendalam di-samping menyatakan hasrat bekerjasama dengan Malaysia di-dalam semua bidang — ekonomi, perdagangan, kebudayaan dan dalam usaha kita untok mengekalkan keamanan dan ketenteraman di-Tenggara Asia.

Minggu lepas, saya telah menghadhiri Persidangan Ketua2 Negara Commonwealth di-Singapura dan sa-belum itu Perdana Menteri British, Tuan Edward Heath, telah singgah di-Ibu Kota bertukar2 fikiran berkenaan dengan pergolakan politik dan militer di-seluroh dunia dan juga perkembangan2 masa depan yang

mungkin melibatkan kedudukan Malaysia andai kata Britain diterima menjadi anggota Pasaran Bersama Eropah (E.E.C.). Pada keseluruhannya, perundingan itu adalah memuaskan. Adalah diharapkan perundingan peringkat Menteri yang akan berlangsung di-London dalam bulan April 1971 ini akan mencapai persetujuan² mu'tamad berkenaan dengan Peratoran Pertahanan Bersama Lima Negara bagi menjaga keselamatan dan ketenteraman di-kedua² negara Malaysia/Singapura.

Malaysia akan terus meluaskan perhubungan-nya dengan negara² blok berkechuali atau non-aligned nations dan juga dengan negara² di-Eropah Timor. Ini adalah sesuai dengan dasar meluaskan "horizon of friendship" ia itu mendapatkan sa-berapa ramai sahabat dan rakan di-bidang politik serta perdagangan. Kita akan mengadakan perwakilan diplomatik di-Yugoslavia dan di-Rumania dan negara² lain di-Eropah Timor. Kita akan memperkuatkan lagi hubungan Malaysia dengan negara² yang maju seperti Jepun, Jerman, Amerika Sharikat, Soviet Union, Sweden dan lain² supaya dapat menafa'at dari tamaddun teknologi mereka itu. Kita akan berusaha merapatkan hubungan dengan negara² yang menjadi anggota E.E.C. untuk kepentingan pemasaran hasil² pengeluaran kita terutama pengeluaran di-bidang pertanian.

Oleh kerana dasar dan objektif utama kita ia-lah mengekalkan keamanan di-Tenggara Asia, khas-nya, maka Malaysia telah pun mengumumkan Dasar Perkechualian, Tenggara Asia — atau "neutralisation of South-East Asia" dalam mana kuasa² besar — Amerika Sharikat, Russia dan China Kominis akan menjamin perkechualian rantau ini dan mana² pihak pun tidak akan champor tangan dalam pergolakan politik negara² di-rantau ini. Saya perchaya jika Tenggara Asia ini menjadi kawasan berkechuali maka kita akan terjamin dari sa-barang anchaman atau benchana peperangan. Ini-lah hanya satu alternative yang ada kepada negara² kechil di-rantau ini untuk mengelakkan Tenggara Asia daripada menjadi kenchah pertikaian politik oleh kuasa² besar, sementara kita bebas menjalankan sa-barang dasar untuk kebaikan dan kepentingan kita sendiri. Berjaya atau tidak usaha kita di-segi ini bergantung pada sikap China Kominis terhadap negara² rantau ini.

Saperti kita ma'alum, China ada-lah sa-buah kuasa yang besar yang sedang melengkapkan diri sa-bagai kuasa nuklear. Oleh itu tidak-lah lojik sama sekali dunia 'am memenchilkan atau pun membelakangkan-nya mengingat bahawa China Kominis mempunyai penduduk sa-ramai 700 juta manusia dan luas-nya meliputi sa-bahagian besar muka bumi Asia ini. Dasar luar China sudah makin meluas ka-seluroh dunia dan telah pun mendapat sahabat2 baru saperti Canada, Italy dan Ethopia. Keputusan kita menyokong China supaya mengambil tempat-nya yang wajar sa-bagai anggota Bangsa2 Bersatu ada-lah berdasar-kan kapada kenyataan politik ini dan bagi kepentingan dan ke-selamatan Malaysia jua. Saya berharap China akan mengubah sikap-nya dan negara2 di-sini hendak-lah sama2 berusaha pula mendorong China supaya mengubah sikap-nya.

Dalam bidang pertahanan, Malaysia akan terus membesar-kan Angkatan Bersenjata-nya dan melengkapkan-nya dengan senjata2 moden menurut kemampuan kita kerana kita perchaya bahawa pada akhir-nya pertahanan ada-lah kewajipan dan tang-gong jawab kita sendiri. Namun bagitu, kita akan terus bekerja-sama dalam bidang pertahanan dengan negara2 sahabat menurut peratoran2 yang di-tentukan kelak untok kepentingan bersama.

Dengan ada-nya Peratoran Pertahanan Lima Negara itu kelak, berma'ana-lah Perjanjian Pertahanan British/Malaysia atau AMDA yang ada sekarang ini akan mansokh. Peratoran yang baru itu hanya merupakan satu Peratoran perundingan atau 'consultative arrangement' atnara kelima negara untok mengambil apa2 juga langkah yang di-persetujui bagi keselamatan Malaysia dan Singapura. Britain tidak lagi akan memainkan peranan utama bahkan hanya menjadi salah satu negara dalam perikatan Lima Kuasa. Malaysia dan Singapura sa-belak-nya merupakan negara2 utama atau 'dominant partners' dalam perikatan baru itu.

Saya sukachita menyatakan bahawa pada masa ini Angkatan Bersenjata kita mempunyai morale yang tinggi dan akan terus meninggikan kebolehan mereka dalam semua lapangan. Jika Tuhan mengizinkan, tahun hadapan kita akan mengambil aleh Sekolah Latehan Perang Hutan di-Kota Tinggi yang selama ini

di-kendalikan oleh tentera British. Sekolah ini akan di-kendalikan oleh Angkatan Tentera Malaysia sendiri. Tidak-lah lupa saya mengucapkan terima kaseh kepada negara2 sahabat yang telah membantu kita membangun angkatan bersenjata seperti yang ada hari ini di-darat, laut dan udara.

BANJIR

Saudara2: Satu lagi perkara yang patut saya katakan ia-lah berkenaan banjir yang telah melanda sa-bahagian besar negara kita baru2 ini. Peristiwa ini sungguh menyedehkan meniadang pada penderitaan dan kesengsaraan yang menimpa ra'ayat kita di-samping kehilangan jiwa. Kerugian yang di-tanggung oleh negara amat-lah besar dan hanya dapat di-tentukan dalam masa lima enam bulan yang akan datang ini. Memang tidak siapa boleh menafikan banjir ada-lah benchana alam yang tidak dapat di-elakkan. Setiap tahun beberapa bahagian Malaysia Barat dan Timor pasti mengalami musim banjir dan sudah sewajar-nya pula Kerajaan serta ra'ayat dalam kawasan2 yang terlibat dan yang diam di-tebing2 sungai mempunyai persediaan yang cukup bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Saya mengucapkan shukor ka-hadzrat Tuhan sungguh pun benchana banjir yang di-alami itu ia-lah yang terbesar yang pernah menimpa negara kita dalam masa 40 tahun yang lalu. akan tetapi dengan sebab kechergasan pegawai2 kka. anggota2 tentera dan polis dan dengan ra'ayat jelata sendiri sentiasa bersiap sedia, kita telah dapat menyelamatkan jiwa dan harta benda. Sungguh pun 56 orang telah kehilangan jiwa dalam masa banjir itu akan tetapi kebanyakan daripada mereka itu ada-lah di-sebabkan oleh kelalaian sendiri.

Saya sendiri berasa sangat puas hati dengan langkah2 yang di-ambil oleh pihak Kerajaan — Kerajaan Pusat dan Kerajaan2 Negeri, tentera dan polis bagi menyelamatkan mangsa2 banjir dan memberi kepada mereka pertolongan dan bantuan di-tempat2 yang berkehendakkan bantuan2 di-Negeri Trengganu, Johor, Melaka, N. Sembilan. di-Ibu Kota kita di-Kuala Lumpur dan di-Pahang. Penduduk2 yang mengalami banjir terutama di-negeri saya sendiri di-Pahang, terpaksa berada dalam keadaan ke-

chemasan berminggu2 dan pertolongan makanan terpaksa di-beri. Bantuan2 yang lain seperti pakaian, kain selimut, ubat2an juga terpaksa di-hantar. Di-kawasan pilehanraya saya sendiri di-Pekan, tempat yang menanggung banjir yang terok sekali, boleh di-katakan tiap2 kampung telah mendapat bantuan dengan memuaskan hati. Saya juga mengucapkan terima kaseh kepada badan2 sukarela yang telah bersama2 memberi pertolongan dan bantuan dengan tidak menghirau penat lelah bekerja siang dan malam.

Apa yang sudah berlaku tidak perlu saya cheritakan dengan panjang lebar kerana kita semua mengetahui-nya. Kita harus memikirkan langkah2 tegas mengenai persediaan pada masa hadapan supaya dapat kita mengurangkan kesusahan dan penderitaan ra'ayat. Dalam hal ini saya sekali lagi mengulangi peri mustahak-nya kita menanamkan semangat berdikari atau self-reliance. Ada-lah satu kewajipan bagi setiap ra'ayat yang diam di-kampong2 sepanjang sungai berbuat apa jua untok kepentingan dan keselamatan diri serta rumah tangga masing2 ia itu menyimpan bekalan makanan dan lain2 keperluan menjelang musim teng-kujoh. Ini ada-lah amalan nenek moyang kita dahulu kerana pasa masa itu mereka tidak mengharapkan Kerajaan atau sesiapa membantu mereka. Orang2 yang diam di-tebing2 sungai hendak-lah memiliki perahu untok membawa mereka ka-tempat2 yang lebeh selamat manakala ayer naik. Dalam masa kechemasan sudah tentu perahu dan rakit dapat menyelamatkan kita.

Sapertimana yang saudara2 ma'alum, Kerajaan sedang membuat segala upaya, menurut kemampuan kita, untok memulehkan kehidupan mangsa2 banjir. Sa-tengah2 daripada mereka tentunya mengalami kesengsaraan yang lebeh berat dari sa-tengah2 yang lain. Ranchangan pemulehan ini akan memakan masa yang lama, terutama bagi ra'ayat di-kampong2 yang lama di-tenggelami ayer, merosakkan pohon2 tanaman dan tanah sawah dan memusnahkan harta benda. Langkah2 bantuan yang sedang dan akan di-jalankan ia-lah tiga peringkat — bantuan jangka pendek ia itu berupa alat perkakas rumah bagi tempat kediaman. pakaian, buku2 sekolah dan wang saraan supaya keluarga2 yang malang itu berasa lega dan anak2 mereka dapat menyambong persekolahan sa-berapa segera yang boleh. Bantuan jangka menengah

berupa biji benih tanaman dan binatang ternakan juga bantuan modal bagi peniaga2 kecil. Ini akan dapat memulehkan kehidupan kaum tani khas-nya serta memberi mereka tapak hidup yang baru untuk masa hadapan.

Saya telah memberi arahan bahawa bantuan2 dan usaha2 pemulehan di-jalankan dengan sa-berapa segera. Kerajaan2 Negeri mesti-lah memberi kerjasama yang penoh kepada Kerajaan Pusat. Untuk melaksanakan rancangan2 kita menguatkan lagi tenaga2 Kerajaan Negeri, saya telah menugaskan Menteri2 Kabinet untuk menolong Menteri2 Besar dan Kerajaan2 Negeri untuk melaksanakan bantuan yang telah kita berikan dengan lincin dan sempurna dengan sa-berapa segera yang boleh.

Langkah ketiga ada-lah untuk jangka panjang dan memerlukan perancangan yang lebeh teliti. Sapertimana kita tahu, negara kita ini mempunyai beberapa batang sungai yang besar, yang mempunyai potential tenaga letrik. Potential ini harus-lah kita gunakan untuk kebajikan hidup ra'ayat dan tidak-lah sabalek-nya kita biarkan sungai2 ini membawa benchana dan sangsara semata2. Kita hendak-lah menchari jalan dan ikhtiar supaya tenaga ayer sungai yang besar itu di-gunakan untuk kemajuan dan kebahagiaan hidup manusia bukan untuk memusnah harta benda dan jiwa.

Ilmu pengetahuan sains dan teknolqi zaman ini boleh mengekang dan seterusnya di-gunakan tenaga ayer untuk kebaikan manusia kita. Ayer sungai Pahang itu boleh di-empang dan di-salorkan untuk mengeluarkan tenaga letrik bagi kawasan2 baru Jengka dan juga Pahang Tenggara. Kita akan mendapatkan nasehat pakar dan bantuan dari ajensi2 Bangsa2 Bersatu, Bank Dunia dan lain2 untuk menyiasat kemungkinan2 ini serta menjadikan kenyataan.

Di-jurusan yang lain pula, kita berharap dapat melaksanakan rancangan2 pengawalan banjir dalam apa chara juga. Sama ada dengan mengadakan tasek2 kecil dan ampangan2 ayer di-bahagian ulu sungai atau pun usaha2 yang lain yang membolehkan ayer mengalir ka-laut dengan segera. Semua-nya ini saya harap akan di-laksanakan asal sahaja ada kemungkinan rancangan2 itu boleh berjalan dengan membawa hasil2 yang kita kehendaki.

Saudara2: Saya telah terangkan dengan rengkas dasar dan garis2 panduan bagi Kerajaan kita untok dua tiga tahun yang akan datang. ' Bagitu juga saya telah terangkan kedudukan Parti kita dan betapa mustahak-nya kita mengambil sikap dan mengadakan wajah atau 'image' yang baru untok di-sesuaikan dengan keadaan dan kehendak2 masa. Saya juga telah terangkan betapa mustahak-nya jentera Parti yang mendukung Kerajaan berjalan sa-imbang dengan jentera Kerajaan. Kekuatan Kerajaan bergantung kepada kekuatan Parti. Oleh itu saya berseru sekali lagi kepada saudara2 semua supaya menumpukan sa-penoh ta'at setia kepada Parti kita dan bersungguh2 bekerja menguatkan Parti dan melichinkan jentera-nya.

Dasar dan garis2 panduan yang saya sebutkan itu, baik bagi Kerajaan mahu pun Parti, ia-lah untok masa dua tiga tahun ini. Dasar dan garis2 panduan ini akan di-timbangkan, dari satu masa ka-satu masa akan di-pinda dan di-ubah apabila di-fikirkan mustahak. Saya berkehendakkan saudara2, tiap2 orang ahli UMNO, supaya bersama2 bukan sahaja membinchangkan dasar2 dan garis2 panduan itu bahkan bersama2 melaksanakan dasar2 dan garis2 itu supaya kita dapat menchapai matlamat yang kita kehendaki.

Saudara2: Kita menghadapi masa depan yang penoh dengan chabaran dan dugaan. Kita berkehendakkan bukan sahaja sikap dan pemikiran yang baru, image yang baru, bahkan kerjasama dan ta'at setia yang penoh daripada tiap2 orang ahli UMNO kepada Parti, dan kepada bangsa dan negara. Oleh itu, dengan ada-nya Perhimpunan Agong hari ini dan dengan saudara2 sekalian bersetuju memilih pemimpin2 yang jujur dan ikhlas saudara2 menaruh keperchayaan yang penoh, saya harap kita semua akan membaharui azam untok memperkuatkan parti, menyesuaikan kedudukan dan perjalanan Parti dengan masa dan kehendak zaman dan menumpukan semua tenaga, tua dan muda, untok kepentingan masa depan negara kita. Dengan azam yang kuat dan dengan liati yang tabah dan penoh dedikasi, saya yakin, dengan izin Tuhan, kita akan dapat menghadapi masa depan dengan penoh keyakinan yang kita akan dapat bersama2 membentok sa-buah negara yang benar2 bersatu padu, aman dan ma'-amor, saperti yang kita semua kehendaki.

Saya mengucapkan berbanyak2 terima kaseh kapada saudara2 kerana sunggoh pun keadaan negara maseh belum puleh daripada benchana banjir, saudara2 semua dapat hadhir dalam Perhimpunan Agong yang penting ini. Saya berdo' ka-hadzrat Tuhan mudah2an Allah peliharakan kita semua dan Allah tunjokkan kita semua kapada jalan yang jujur dan ikhlas untok kita sama2 berkhidmat kapada bangsa dan negara.

Sekian-lah sahaja, saya sudahi dengan seruan BERJAYA dan MERDEKA!



Di-sediakan oleh Pejabat Setiausaha Agung UMNO Malaysia

Di-chetak oleh Perchetakan Kum, Jalan Dua, off Jalan Sungei Besi, Kuala Lumpur